

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

APRIL 2009

Adalah disyorkan bahawa Laporan Projek Penyelidikan ini yang disediakan

Oleh


NOR HAFIZA BT ABD RAHMAN

Bertajuk

**Laporan Kajian Akhir Cadangan Menalk Taraf Kafe 'Old Town White Coffee'
Di Lot Pt77543, No 32, Jln Puteri 2/6, Bandar Puteri, 47100 Puchong, Selangor**

diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan

:  09/04/09

Cik Nur Adilla bt Abd Rahaman

Koordinator Kursus

: _____

Pn Azizah Bt. Md Ajis

Koordinator Program

: _____

Prof. Madya Dr. Hj. Mohd Sabrizaa
B. Abd Rashid

ABSTRAK

Cadangan mereka bentuk wajah baru Old Town White Coffee di Bandar Puteri Puchong datang dari kesan lambakan kafe di Malaysia. Fenomena ini yang semakin popular dikalangan masyarakat Malaysia terutama para usahawan yang selalu melakukan janji temu di kafe.. Memandangkan kafe kini semakin dikenali ramai, maka adalah menjadi tanggungjawab Old Town White Coffee untuk mendekatkan orang ramai kafe yang mempunyai identiti serta tema yang tersendiri untuk menjadi antara kafe yang mengeluarkan produk untuk dipasarkan ke pasaran Malaysia.. Oleh itu imej dan reka bentuk yang baru untuk klien harus dihasilkan bagi menarik perhatian serta memuaskan lagi hati pelanggan. Selain dari itu, melalui penataan dan susun atur ruang dalam reka bentuk kedai ini dapat membawa pelanggan merasai suasana ruang yang unik serta keenakan masakan Malaysia seperti laksa serta mee kari yang tidak terdapat di mana-mana kafe lain. Old Town White Coffee bukan sahaja mempromosi barang mereka di dalam Negara tetapi juga di serata Asia. Mereka juga tidak hanya menjual produk mereka sendiri tetapi sebaliknya mempromosi makanan masyarakat Malaysia yang telah diberikan wajah baru dari segi persembahan hidangan. Kafe yang berkonsep China Hainan yang telah mempunyai beberapa cawangan di serata Malaysia ini diharapkan dapat memberikan perkhidmatan yang mesra pelanggan. Selain itu diharapkan dengan pembukaan cawangan yang terbaru ini,Old Town White Coffee dapat menjadi perintis untuk reka bentuk kafe berkonsep yang bersistematik, berinformatif dan berinteraktif.



Abstrak	i
Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Rajah	vii
Senarai Foto	ix
Senarai Jadual	x

KANDUNGAN**MUKA SURAT****BAB 1.0 PENDAHULUAN**

1.1	PENGENALAN	1
1.2	METODOLOGI KAJIAN	2
1.3	MATLAMAT KAJIAN	3
1.4	OBJEKTIF KAJIAN	4
1.5	SKOP KAJIAN	5



1.6	HALANGAN KAJIAN	7
1.7	KEPENTINGAN KAJIAN	9
BAB 2.0	KLIEN	
2.1	LATARBELAKANG KLIEN	12
2.2	VISI DAN MISI KLIEN	14
2.3	IMEJ KORPORAT KLIEN	15
2.4.1	WARNA KORPORAT	
2.4.2	PRODUK JUALAN	
BAB 3.0	KAJIAN DAN ANALISA	
3.1	ANALISA TAPAK	21
3.2	PELAN BANGUNAN	23
3.3	ANALISA BANGUNAN SEDIA ADA	27
3.4	FAKTOR PERSEKITARAN	30
3.5	KESIMPULAN	34



BAB 1.0 PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Laporan ini merupakan kerja khusus bagi subjek THE 386. Kursus ini bertujuan menilai tahap pemahaman pelajar berkaitan rekaan dalaman berdasarkan analisis dan pemerhatian yang telah dijalankan. Tajuk tesis bagi projek akhir Diploma Senibina Dalaman ini adalah cadangan menaik taraf rekabentuk dalaman bagi Old Town White Coffee di Bandar Puteri Puchong.

Old Town White Coffee merupakan kopi putih yang diperkenalkan oleh masyarakat cina di Perak. Kopi putih ini merupakan produk asli dari Malaysia. Tujuan utama cadangan rekabentuk ini adalah untuk menyesuaikan keadaan kafe dengan keadaan sekeliling yang merupakan kawasan tumpuan perniagaan.

Selain itu kafe ini juga mempunyai nilai pemasaran yang tinggi di kawasan berkenaan kerana kurangnya bilangan restoran/afe di tempat berkenaan. Keadaan ini sedikit sebanyak mempengaruhi faktor pemasaran bagi cafe(Old Town White Coffee).

Diharapkan daripada projek ini, Old Town White Coffee akan dapat meningkatkan penjualan dan pengguna dapat menikmati hidangan dalam keadaan yang tenang dan selesa.